

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2003/2004

September/Oktoper 2003

**HTV 201 – Teknik Berfikir**

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan

1. Tuliskan nama tutor dan pusat pengajian anda di sudut atas bahagian kanan kulit buku jawapan anda.
2. Kertas ini mengandungi tiga bahagian. Jawab SATU soalan dari bahagian A, SATU dari bahagian B dan SATU dari bahagian C.
3. Setiap jawapan tidak boleh melebihi tiga halaman.

### Bahagian A

1. Dengan terlancarnya AFTA (Asean Free Trade Agreement) pada tahun 2005, persaingan antara industri tempatan dan global pasti akan meningkat. Gunakan kaedah pemikiran analisis dan desain untuk meningkatkan daya saing industri tempatan.  
[40 markah]
2. Kebelakangan ini, jenayah seksual semakin menjadi-jadi di Malaysia.
  - [a] Gunakan teknik segitiga konsep untuk menjana idea-idea bagi membendung gejala ini.  
[15 markah]
  - [b] Gunakan dua alat berfikir yang sesuai untuk memilih dan menilai idea yang terbaik.  
[25 markah]

### Bahagian B

3. Wabak SARS (Severe Acute Respiratory Syndrome) telah menyerang beberapa buah negara terutamanya di benua Asia. Dengan menggunakan gaya-gaya berfikir yang sesuai bincangkan langkah-langkah mencegah wabak ini daripada menjangkiti rakyat Malaysia pada masa hadapan.  
[40 markah]
4. Penubuhan Sekolah Wawasan adalah antara langkah utama kerajaan bagi mengurangkan polarisasi kaum dalam kalangan golongan remaja. Dengan menggunakan kaedah Enam Topi Berfikir, bincangkan langkah-langkah yang dapat membantu remaja merobohkan tembok kepada integrasi kaum ini?  
[40 markah]
5. Terdapat cadangan universiti awam akan menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bermula dari tahun 2005. Apakah pandangan anda terhadap cadangan ini?
  - [a] Bincangkan pandangan anda dengan menggunakan topi berfikir hitam dan pemikiran proaktif.  
[20 markah]
  - [b] Gunakan PMI untuk membuat rumusan anda.  
[20 markah]

**Bahagian C**

6. Senaraikan ciri-ciri peta minda yang baik dan bincangkan kegunaan peta minda.

[20 markah]

7. Jelaskan secara ringkas fungsi alat-alat berfikir dengan menerangkan cara-cara alat-alat berfikir dapat digunakan untuk menilai sesuatu idea atau perancangan.

[20 markah]